

BH PILIH 10A 31 (emel)

# PTPTN perlu RM5b biaya pinjaman 2013

## Kementerian kaji cari peruntukan tampung pertambahan pelajar lanjut pengajian tinggi

Oleh Sazarina Shahrin  
sazarina@bharian.com.my

**P**UTRAJAYA: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memerlukan dana lebih RM5 bilion setahun menjelang 2013 bagi membiayai pinjaman pendidikan pelajar yang bertambah selain membolehkan lebih ramai rakyat negara ini melanjutkan pelajaran.

Berikutan itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata satu kajian menyeluruh sudah dimulakan bagi melihat kaedah sesuai membolehkan agensi itu memperoleh dana berkenaan.

"Ketika ini, PTPTN enge-

luarkan RM3 bilion setahun sebagai pinjaman kepada pelajar kita dan jumlah ini dijangka bertambah menjelang 2013 berikutan pertambahan peluang dan pelajar yang melanjutkan pelajaran.

"Kita akan melihat pelbagai cara dalam memastikan PTPTN dapat dana yang mencukupi untuk memberikan perkhidmatan pinjaman pendidikan kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran," katanya selepas merasmikan program Real Undergraduate Conference (RUC) 2010 di sini, semalam.

Sebelum ini, PTPTN dikatakan terpaksa menampung kekurangan dalam dana perbelanjaannya berikutan keputusannya mengurangkan caj

pengurusannya daripada tiga peratus kepada satu peratus selain berhadapan masalah ramai peminjam yang ingkar untuk membayar balik pinjaman mereka.

Mohamed Khaled berkata, PTPTN juga berkemungkinan hanya memberikan pinjaman kepada pelajar dari golongan yang benar-benar memerlukan untuk melanjutkan pelajaran.

"Mungkin kita tidak perlu lagi memberikan pinjaman kepada pelajar dari keluarga yang berkemampuan. Perkara ini juga kita perlu lihat kerana semakin ramai yang akan melanjutkan pelajaran dan dana mungkin tidak mencukupi untuk menampung semua pelajar kelak," katanya.



**MOHAMED KHALED** bersalaman dengan sebahagian pelajar IPT yang hadir pada majlis 'Real Undergraduate Conference 2110' (RUC'10) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

Mengulas tindakan beratus-ratus pelajar Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berhimpun membantah keputusan pemili-

han Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) kelmarin, Mohamed Khaled berkata, pelajar berkenaan seharusnya mengemukakan bukti kononnya wujud

ketidaktelusan dalam pelaksanaan pengundian secara berkomputer atau e-undi dan bukannya melakukan demonstrasi.